

1981

46

TAWAU, 16 FEB (BERNAMA)—WARGANEGARA INDONESIA YANG BEKERJA DI SABAH ADALAH DIPERLUKAN UNTUK MENGISI TENAGA PEKERJA DI NEGERI ITU, KATA PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED DI SINI HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU SATU PERHIMPUNAN 30,000 ORANG, SEBAHAGIAN BERNYANYA WARGANEGARA INDONESIA, BAHAWA DENGAN MEMBENARKAN MEREKA BEKERJA DAN MENETAP DI TAWAU DAN LAIN-LAIN KAWASAN DI SABAH MENCERMINKAN PERSAHABATAN SEBENAR ANTARA KEDUA NEGARA.

TURUT HADIR DI PERHIMPUNAN ITU PRESIDEN SUHARTO DARI INDONESIA YANG TERBANG KE SINI PAGI INI UNTUK MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERADA DI SINI UNTUK MELAKUKAN LAWATAN RASMI EMPAT HARI KE SABAH. BELIAU DISERTAI DALAM PERBINCANGAN TERSEBUT OLEH KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH, MENTERI DALAM NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, PEGAWAI PEMERINTAH WILAYAH DUA MEJAR-JEN ABDULLAH SAMSUDIN DAN TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA TAN SRI MOHAMED AMIN OSMAN.

PRESIDEN SUHARTO DIIRINGI OLEH DUA ORANG MENTERI DAN DUA TIMBALAN MENTERI.—BERNAMA 2038 HM

B514

MAHATHIR-SUHARTO 2 TAWAU

DR. MAHATHIR BERKATA KESTABILAN POLITIK DI INDONESIA DAN MALAYSIA MENUNJUKKAN BAHAWA KERJASAMA EKONOMI ANTARA KEDUA NEGARA DAPAT DIJALANKAN TANPA SEBARANG GANGGUAN.

PEMBANGUNAN EKONOMI, BAGAIMANAPUN MEMERLUKAN TENAGA PEKERJA DAN DI MALAYSIA DIDAPATI BEBERAPA KAWASAN MEMPUNYAI LEBIH TENAGA DARIPADA KAWASAN YANG LAIN, KATANYA.

WALAUPUN JIKA KADAR PENGANGGURAN DI MALAYSIA BERADA ANTARA ENAM DAN TUJUH PERATUS, TERDAPAT BEBERAPA TEMPAT YANG BILANGAN PEKERJA MENCUKUPI TETAPI MASIH MEMERLUKAN LEBIH BANYAK TENAGA PEKERJA

OLEH ITU, ADANYA SEBUAH NEGARA JIRAN YANG RAKYATNYA BERCAKAP DALAM BAHASA YANG SAMA, KEKURANGAN TENAGA PEKERJA ITU DAPAT DIATASI DENGAN MENGAMBIL MEREKA UNTUK MENGISI TEMPAT-TEMPAT TERSEBUT, KATA DR. MAHATHIR.

DARUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK PINTU DIBUKA KEPADA WARGANEGARA INDONESIA UNTUK BEKERJA DI SINI, RAMAI TELAH DATANG DAN SEBAHAGIAN BESAR TELAH MEMBANTU MEMBANGUNKAN BEBERAPA BUAH NEGERI DI MALAYSIA.

BELIAU BERHARAP KEUPAYAAN WARGANEGARA INDONESIA UNTUK MENYERAP DALAM KEHIDUPAN NEGARA INI AKAN BERTERUSAN.—BERSAMBUNG 2048/HM

B615

MAHATHIR-SUHARTO 3 TAWAU

PRESIDEN SUHARTO DALAM UCAPANNYA MENGGESA PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN SUPAYA MENERUSKAN USAHA MEREKA UNTUK MENCAPAI ASPIRASI KEBANGSAAN.

BELIAU MEMBERITAHU WARGANEGARA INDONESIA DI TAWAU BAHAWA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA KETINGGALAN DALAM MENUJU KE ARAH KEMAJUAN.

KATANYA MEREKA TIDAK AKAN MELAHIRKAN KONFLIK DALAM MENCAPAI ASPIRASI KEBANGSAAN JIKA BEKERJA KUAT UNTUK MENAIKKAN KEHIDUPAN EKONOMI MEREKA, TANPA MENGHIRAUKAN DI MANA MEREKA BERADA.

PRESIDEN SUHARTO MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU SEMENTARA MEREKA DIBENARKAN BEKERJA DI SABAH UNTUK MENGATASI KEKURANGAN TENAGA PEKERJA YANG DIHADARI DI NEGERI ITU, MEREKA PADA MASA YANG SAMA HENDAKLAH MENAIKKAN TARAF HIDUP MEREKA.

BELIAU MENGGESA WARGANEGARA INDONESIA BEKERJA KUAT DAN TIDAK MELUPAKAN DISIPLIN KEBANGSAAN MEREKA.

—BERNAMA 2056/AN